

5

KAJIAN TINDAKAN: KEMAHIRAN MENJAWAB SOALAN KEFAHAMAN DENGAN DETEKTIF KEF

.....
 Noorazmah Razali, Nur Azlin Ramelan, Mohammad Fahmy Abdul Ghani & Safura Sallim
 Sekolah Rendah North Spring

ABSTRAK

Berdasarkan analisis markah peperiksaan Darjah 5 dan 6 (2009), ramai murid Sekolah Rendah North Spring tidak meraih markah yang tinggi dalam bahagian kefahaman subjektif. Untuk membantu murid, Teknik *Detektif Kef* diperkenalkan bagi mengatasi masalah ini. Teknik ini menggabungkan elemen Cerita dan Lagu *Detektif Kef*. Selain mencapai objektif asal, teknik ini juga dapat merangsang minat murid kerana diselitkan elemen keseronokan. Kajian tindakan ini meneliti kesan pelaksanaan teknik *Detektif Kef* terhadap markah yang diperoleh serta keyakinan yang diraih oleh murid. Kajian tindakan dijalankan ke atas dua kumpulan, iaitu kumpulan uji kaji dan kumpulan terkawal. Kedua-dua kumpulan ini merupakan kelas campuran. Hasil daripada kajian ringkas ini, 71% murid telah menunjukkan peningkatan bagi markah kefahaman mereka. Peningkatan purata pula ialah 1.8 mata dengan kesan saiz (*effect size*) 0.8. Murid juga menunjukkan keyakinan yang meningkat, iaitu 85% berbanding dengan 37% sebelum usaha ini dijalankan.

Pengenalan

Kajian tindakan ini dilaksanakan sebagai usaha pendekatan seluruh sekolah yang dijalankan setiap tahun. Melalui pendekatan ini, setiap guru berpeluang memantapkan lagi strategi yang digunakan untuk membantu murid. Pendekatan ini juga memberikan fokus kepada guru dalam melaksanakan strategi pengajaran secara berstruktur, serta mengukur keberkesanan strategi yang dijalankan.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina pengetahuan murid memahami teks yang dibaca dan meningkatkan kebolehan murid menjawab soalan kefahaman subjektifi.

Permasalahan

Bahagian kefahaman subjektif menyumbang kepada sebahagian besar jumlah markah atau kemahiran bahasa Melayu murid dalam peperiksaan. Hasil daripada analisis markah peperiksaan Darjah 5 dan Darjah 6 (2009), ramai murid tidak meraih markah yang tinggi dalam bahagian ini, malah ramai juga yang mendapat kurang daripada 10 markah. Maka, bahagian ini menjadi tumpuan kajian pada tahun 2010. Hasil maklum balas yang diberikan oleh guru, ramai murid yang menulis jawapan yang tidak relevan dan hal ini menimbulkan tanda tanya sama ada mereka memahami teks serta soalan yang diajukan. Kajian tindakan ini bertujuan untuk mengatasi masalah yang dinyatakan ini.

Kajian Lepas

Menurut Snow (2002), memahami sesuatu teks ialah proses berurutan penyuntingan dan pembentukan makna berdasarkan kebolehan, pengetahuan serta pengalaman seorang pembaca. Manakala, Vaughn et. al. (2000) pula menekankan, ramai murid memerlukan bimbingan dalam kemahiran membaca untuk meningkatkan kebolehan mereka memahami sesuatu teks. Kajian menunjukkan bahawa "...menggunakan strategi kefahaman dalam kalangan pelajar sekolah dapat meningkatkan kebolehan mereka memahami sesuatu teks." (Eilers & Pinkley, 2006; Garner & Buchna, 2004).

Selain memahami teks, strategi yang digunakan oleh guru untuk membantu kemahiran pelajar dalam memberikan jawapan yang relevan kepada soalan kefahaman juga penting. Berdasarkan kajian Garner & Buchna (2004), strategi menjawab soalan kefahaman seperti menggunakan *contextual clues* (Jacobs & Paris, 1987), dapat membantu pelajar menjawab soalan berdasarkan watak, latar, masalah yang ditimbulkan, serta penyelesaiannya. Fuchs et. al. (2001) juga mengajukan pandangan bahawa kebolehan membaca merupakan satu hambatan utama dalam menjawab soalan kefahaman. Walau bagaimanapun, murid yang disertakan dalam kajian tindakan ini tidak

mempunyai masalah membaca lantang. Namun, murid kurang memahami jalan cerita, mungkin disebabkan oleh beberapa perkataan yang sukar dan kegusaran menangani teks bacaan yang agak panjang.

Kaedah Kajian

Subjek dan Sampel Kajian

Kajian tindakan ini dijalankan ke atas 45 orang murid Darjah 5. Kumpulan ini telah disasarkan kerana mereka akan menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) menggunakan format baharu pada tahun 2011. Kumpulan ini ialah kumpulan rawak yang diambil daripada dua kelas berkebolehan sederhana, dan dibahagikan kepada dua, satu untuk kumpulan uji kaji (23 orang murid), iaitu kumpulan yang menerima pengajaran berdasarkan pakej *Detektif Kef*, dan kumpulan terkawal (22 orang murid), yang menerima pengajaran harian biasa. Secara umum, mereka terdiri daripada murid berbangsa Melayu yang mengambil subjek Bahasa Melayu sebagai bahasa Ibunda.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua jenis data. Data kualitatif diambil daripada dua borang maklum balas yang diberikan kepada murid dalam kumpulan eksperimen, sebelum dan sesudah rawatan. Borang ini meninjau tindak balas, perasaan dan sikap murid terhadap pendekatan yang dijalankan guru. Pengkaji percaya bahawa tanggapan dan perasaan murid memainkan peranan penting dalam usaha dan kesungguhan murid menjawab soalan yang diajukan. Oleh itu, guru mengenal pasti faktor yang membuat murid kurang yakin. Data kuantitatif pula diambil daripada dua ujian khusus bagi tujuan kajian tindakan ini, yang berbeza tetapi setara. Perbezaan ini memungkinan guru membuat andaian sama ada prestasi mereka menunjukkan peningkatan atau sebaliknya.

Penjelasan Istilah

Kajian ini menggunakan satu istilah khusus iaitu *Detektif Kef*, yang merujuk kepada pakej pengajaran kefahaman yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar kefahaman subjektif atau objektif.

Prosedur Kajian

Sebelum murid dalam kumpulan uji kaji didedahkan kepada strategi *Detektif Kef* ini, mereka perlu melengkapkan borang maklum balas yang menyingkap serba sedikit perasaan dan sikap mereka semasa menjawab soalan kefahaman. Borang ini digunakan untuk membuat perbandingan setelah murid didedahkan kepada strategi *Detektif Kef*. Kemudian, barulah murid disuruh melengkapkan satu latihan kefahaman sebagai praujian.

Strategi *Detektif Kef* ini diperkenalkan kepada murid sebagai satu pakej lengkap yang dapat membantu murid mengenal pasti perkataan-perkataan yang boleh dijadikan panduan dalam menjawab soalan kefahaman. Pengajaran ini melibatkan sebuah cerita ringkas dan penggunaan *Powerpoint* beranimasi yang dapat membantu pemahaman murid. Pakej *Powerpoint* ini akan dimuatkan berserta rancangan pengajarannya sekali. Setelah pengajaran ini dijalankan, kedua-dua kumpulan murid akan menduduki pascaujian. Kumpulan uji kaji juga perlu mengisi borang maklum balas.

Memandangkan pengajaran *Detektif Kef* ialah strategi pembelajaran, maka murid mestilah mengingati langkah-langkah dalam strategi tersebut semasa menjawab soalan kefahaman pada masa berikutnya. Dengan mengaplikasi pengetahuan yang diraih daripada pengajaran ini, maka diharap murid dapat menjawab soalan kefahaman dengan lebih yakin dan tepat secara sendiri.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang memberangsangkan dalam markah sebilangan besar murid yang telah menjalani uji kaji tersebut. Daripada 23 orang murid dalam kumpulan kawalan, seramai 18 orang murid telah menunjukkan peningkatan markah. Daripada jumlah ini, seramai 12 orang menunjukkan peningkatan yang signifikan, iaitu kenaikan 3 markah berbanding dengan markah semasa praujian.

Dua orang murid mendapat markah yang sama, manakala tiga lagi murid mendapat markah yang lebih rendah jika dibandingkan dengan markah semasa praujian. Statistik deskriptif menunjukkan bahawa setiap orang murid dalam kumpulan uji kaji meraih purata 1.8 lebih markah dalam pascaujian berbanding dengan markah praujian. Perkiraan sisihan piawai (*standard deviation*) pula

menunjukkan bahawa lebih ramai murid mendapat markah sekitar purata 12.6 markah, menunjukkan suatu peningkatan dalam markah secara keseluruhan. Nilai kesan saiz (*effect size [ES]*) dikira berada di tahap 0.8. Berdasarkan klasifikasi Cohen, ini menunjukkan bahawa strategi yang digunakan untuk kumpulan uji kaji memberikan kesan yang amat besar.

Daripada maklum balas yang diterima, 84% murid menyatakan keyakinan mereka dalam menjawab soalan berbanding dengan hanya 37% sebelumnya. Hal ini juga menunjukkan mereka tidak lagi gusar berhadapan dengan soalan kefahaman. Maklum balas ini juga menunjukkan bahawa murid kini sudah mengetahui teknik menjawab yang diajar dalam pakej *Detektif Kef*.

Keterbatasan Kajian

Strategi didapati amat sesuai untuk soalan rujukan dan soalan inferens, namun mungkin tidak sesuai bagi menjawab soalan yang memerlukan pandangan serta cadangan murid. Tambahan pula, murid yang lemah dari segi tatabahasa ataupun kosa kata tidak dapat menggunakan strategi ini secara berkesan disebabkan panduan-panduan yang ada tidak dapat dimanfaatkan.

Saranan

Dua saranan untuk memperbaiki dan memperhalus kajian ini diajukan. Yang pertama jumlah murid yang lebih ramai pasti dapat memperlihatkan kesan pengajaran strategi dengan lebih jelas. Kedua, masa yang lebih panjang dalam menjalankan uji kaji pasti dapat memberi guru peluang menerapkan kemahiran ini kepada murid sebelum pascaujian dijalankan.

Kesimpulan

Strategi ini dilakarkan bagi membantu murid mencari jawapan yang relevan dan tepat semasa menjawab soalan kefahaman. Strategi ini dapat membantu murid menjawab soalan tersebut dan meraih markah sebanyak mungkin. Dengan keyakinan ini, murid akan lebih tenang dalam menghadapi soalan-soalan kefahaman.

Cabaran utama dalam memupuk keyakinan murid menjawab soalan kefahaman dapat diatasi. Kejayaan psikologi ini amat penting dalam membantu murid berasa senang dengan bahasa Melayu.

Rujukan

- Eilers, L.H., & Pinkley, C. (2006). Metacognitive strategies help students to comprehend all text. *Reading Improvement*, 43(1), 393-447.
- Fuchs, L.S., Fuchs, D., Hosp, M.K., & Jenkins, J.R. (2001). Oral reading fluency as an indicator of reading competence: A theoretical, empirical, and historical analysis. *Scientific Studies of Reading*, 5(3), 239-256.
- Garner, J.K., & Buchna, C.R. (2004). Transfer of a listening comprehension strategy to independent reading in first-grade students. *Early Childhood Education Journal*. 32, (2), 69-74.
- Jacobs, J.E. & Paris, S.G. (1987). Children's metacognition about reading: Issues in definition, measurement and instruction. *Educational Psychologist*, 22, 255-278.
- Laberge, D., & Samuels, S.J. (1974). Toward a theory of automatic information processing in reading. *Cognitive Psychology*, 6, 293-323.
- Snow, C. (2002). *Reading for Understanding: Toward an R&D program in reading comprehension*. Santa Monica, CA:RAND.